

20/04/1998

Tiada halangan buat Doohan

Saufi Hamzah; Ahmad Fauzi Mustafa

APA juga persoalan yang berbangkit di litar Suzuka dua minggu lalu, terjawab dalam Grand Prix Malaysia di Litar Johor, Pasir Gudang semalam.

Dalam perlumbaan yang dapat disudahkan oleh Mick Doohan, faktanya kekal bahawa Max Biaggi, juara dunia 250cc yang beralih ke kelas 500cc musim ini, belum berupaya mengungguli saingan.

Bezanya kali ini, tiada masalah mekanikal yang mampu menghalang Doohan. Tidak juga Biaggi mahupun barisan pencabar lain.

Kecuali persaingan dari petak permulaan sehingga pusingan ke-21, juara dunia empat kali itu menguasai perlumbaan 30 pusingan sejauh 115.8 kilometer itu untuk kemenangan kelimanya di Malaysia.

Doohan, 32, lebih dahulu melintasi garisan penamat dengan catatan 45 minit 15.533 saat, meninggalkan Carlos Checa 2.634 saat dan Biaggi 4.410 saat di belakang.

Namun, permulaan kurang baik memaksa Doohan mengekori Biaggi sehingga pusingan ke-21. Pengalaman bagaimanapun ternyata menjadi senjata pelumba Repsol Honda itu yang berupaya memintas Biaggi dan terus menjarakkan dirinya di depan.

Buat Biaggi, yang menjuarai sirkit pertama di Suzuka, hakikat dia turut dipintas oleh Checa menambah kepedihan.

Sebagai meneruskan perang psikologi antara kedua-duanya, Doohan menegaskan kemenangan Biaggi di Jepun bukan ukuran untuk menentukan kesudahan kejuaraan musim ini.

"Saya tunggu sehingga 10 pusingan terakhir untuk memintas Max kerana tidak dapat melakukannya lebih awal walaupun banyak peluang.

"Kemenangan ini amat baik untuk seorang pelumba seperti saya. Secara keseluruhan, saingan hari ini sangat mencabar hinggakkan tangan saya lenguh ketika perlumbaan tinggal tujuh pusingan.

"Saya juga tidak sangka perlumbaan ini akan berjalan pantas daripada apa yang saya jangkakan.

"Hampir-hampir saya terjatuh dalam pusingan pertama selepas terlanggar bahagian depan motosikal Kyoji Nanba. Keadaan itu menakutkan saya dan terus mengelak," kata Doohan yang kini menanti pusingan ketiga di Jerez, 3 Mei ini.

Pelumba Jepun terus berkuasa dalam kelas 250cc apabila juara dunia 1993, Tetsuya Harada, mengembalikan kegemilangan Aprilia dengan muncul pemenang selepas bersaing sengit pada pusingan penamat dengan Valentino Rossi yang terbabas di selekoh terakhir.

Noboru Ueda menebus kehampaan gagal menamatkan perlumbaan di Suzuka apabila menjuarai kelas 125cc dengan catatan 41:34.332s, disusuli Mirko Giansanti dan Tomomi Manako.

Dua wakil negara, Shahrol Yuzy Ahmad Zaini, meraih tempat ke-17 kelas 250cc manakala M Meganathan langsung tidak memulakan perlumbaan acara 125cc yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.